

08/08/1998

Kontraktor, agensi perlu percepat projek

KOTA BHARU, Jumaat - Semua kontraktor dan agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar diarah mempercepatkan pelaksanaan projek prasarana dan projek kecil luar bandar sebagai strategi memulihkan ekonomi negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata projek yang lebih awal menerima kelulusan peruntukan kementerian hendaklah diutamakan dulu.

Katanya, siri lawatan dan tinjauan kemajuan projek prasarana luar bandar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini mendapati ada ruang pelaksanaan yang masih boleh diperbaiki prestasinya.

"Kelewatan pelaksanaan projek kerana tindakan sesetengah pihak mengambil keputusan tidak sewajarnya dan silap perancangan hingga menyebabkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan pada hujung tahun akan merugikan semua pihak.

"Oleh itu, setiap agensi kerajaan yang sudah menerima peruntukan mesti menyiapkan projek sebelum hujung tahun," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa induk sambutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 22 Ogos ini, di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Chengal, Kadok, hari ini.

Annuar berkata, permohonan peruntukan bagi projek prasarana luar bandar bagi tahun depan seperti bekalan elektrik, air dan jalan kampung perlu dikemukakan kepada kementerian sebelum akhir tahun ini.

Katanya, kementerian sudah mengeluarkan surat kepada semua kerajaan negeri mengenai perkara itu pada bulan lalu.

Beliau berkata, pihaknya berharap semua permohonan akan tiba ke kementerian pada Oktober atau November ini bagi membolehkan waran dikeluarkan selewat-lewatnya Mac tahun depan.

Mengenai lawatan Anwar ke Perak dan Selangor untuk meninjau projek prasarana luar bandar, Annuar berkata, kerajaan mahu memperbaiki prestasi kemajuannya bagi membantu menjana pelbagai kegiatan ekonomi lebih rancak.

(END)